

Faktor Utama yang Mempengaruhi Stigma Awam Terhadap Pendidikan Tvet dalam Era Transformasi Digital: Kaedah Nominal Group Technique (NGT)

Main Factors Affecting Public Stigma Towards Tvet Education in The Era of Digital Transformation: Nominal Group Technique (NGT) Method

Abdul Muqsith Ahmad^{1*}, Azizul Qayyum Basri¹, Nur 'Adnin Syamil Halik Bassah³, Mohd Ridhuan Mohd Jamil², Mohd Syaubari Othman², Mohd Muslim Md Zalli², Mohamed Nor Azhari Azman¹

¹Fakulti Teknikal dan Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Perak Darul Ridzuan

²Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Perak Darul Ridzuan

³Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Perak Darul Ridzuan

* Corresponding author: muqsith@ftv.upsi.edu.my

Diterima: 14 April 2025; **Disemak semula:** 15 Oktober 2025; **Diterima:** 17 November 2025; **Diterbitkan:** 22 Disember 2025

Untuk memetik artikel ini (APA): Ahmad, A. M., Basri, A. Q., Halik Bassah, N. 'Adnin S., Mohd Jamil, M. R., Othman, M. S., Md Zalli, M. M., & Azman, M. N. A. (2025). Faktor Utama yang Mempengaruhi Stigma Awam Terhadap Pendidikan Tvet dalam Era Transformasi Digital: Kaedah Nominal Group Technique (NGT). *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 18(2), 220-230. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol18.2.19.2025>

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor-faktor utama yang mempengaruhi stigma awam terhadap pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dalam era transformasi digital di Malaysia. Kaedah *Nominal Group Technique* (NGT) digunakan bagi mendapatkan konsensus daripada 12 peserta yang terdiri daripada pendidik, pelajar, ibu bapa dan wakil industri. Melalui analisis sistematik, sebanyak sebelas faktor dikenal pasti sebagai penyumbang kepada persepsi negatif terhadap TVET, dengan lima faktor menunjukkan tahap kesepakatan tertinggi, iaitu kurang kesedaran awam, persepsi bahawa laluan akademik lebih berprestij, kekurangan pendedahan media positif, persepsi rendah terhadap peluang kerjaya, serta pengaruh budaya sosial terhadap status pekerjaan. Dapatan menunjukkan bahawa stigma terhadap TVET bukan hanya berpunca daripada isu dasar atau infrastruktur, tetapi juga hasil interaksi kompleks antara faktor sosial, komunikasi awam dan budaya pendidikan yang berakar lama. Kajian ini menegaskan keperluan memahami semula dimensi sosiobudaya yang membentuk persepsi masyarakat terhadap TVET agar bidang ini dapat dihargai sebagai teras pembangunan modal insan dalam era ekonomi digital.

Kata kunci: TVET, stigma awam, persepsi sosial, transformasi digital, *Nominal Group Technique*

Abstract

This study aims to identify the key factors influencing public stigma toward Technical and Vocational Education and Training (TVET) in Malaysia during the digital transformation era. The Nominal Group Technique (NGT) was employed to obtain consensus among 12 participants comprising educators, students, parents, and industry representatives. Systematic analysis identified eleven contributing factors, with five emerging as the most significant: limited public awareness, the perception of academic pathways as more prestigious, insufficient positive media exposure, low perceptions of career and salary prospects, and cultural influences related to occupational status. Findings indicate that the stigma surrounding TVET is not merely a result of policy or infrastructural limitations but stems from a complex interaction of social, communicative, and cultural factors embedded within the educational system. This study underscores the importance of understanding the

FAKTOR UTAMA YANG MEMPENGARUHI STIGMA AWAM TERHADAP PENDIDIKAN TVET DALAM ERA TRANSFORMASI DIGITAL: KAEDAH NOMINAL GROUP TECHNIQUE (NGT)

sociocultural dimensions shaping public perceptions of TVET as a foundation for human capital development in Malaysia's evolving digital economy.

Keywords: TVET, public stigma, social perception, digital transformation, Nominal Group Technique

PENGENALAN

Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) merupakan komponen teras dalam pembangunan modal insan yang berkemahiran tinggi untuk menyokong keperluan tenaga kerja global berasaskan teknologi. Di Malaysia, pelbagai dasar seperti *Pelan Induk TVET Negara* dan penubuhan *Majlis TVET Negara (MTVET)* telah memperkukuh sistem TVET sebagai agenda strategik nasional. Namun begitu, TVET masih dibayangi stigma awam yang melihatnya sebagai pilihan bagi pelajar kurang cemerlang dalam akademik (Hashim, 2025). Stigma ini menjejaskan usaha kerajaan menjadikan TVET sebagai laluan pendidikan arus perdana yang berprestij dan bernilai tinggi.

Era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan transformasi digital telah mengubah struktur ekonomi serta corak permintaan tenaga kerja. Industri masa kini menuntut kemahiran dalam automasi, kecerdasan buatan (AI), Internet of Things (IoT), dan analitik data (Mohd Hatta et al., 2024). Walaupun TVET berperanan menyediakan kemahiran tersebut, masyarakat masih menganggapnya laluan “kelas kedua”. Arenawati dan Zalina (2023) mendapati pelajar sekolah menengah kurang berminat terhadap TVET kerana menganggap kejayaan sosial hanya dicapai melalui pendidikan universiti.

Faktor sosio-budaya turut memperkukuh persepsi ini. Kajian Yusoff et al. (2020) menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia masih terikat dengan norma yang meletakkan pekerjaan profesional seperti doktor dan jurutera sebagai lambang status sosial tertinggi, manakala pekerjaan teknikal dianggap kurang berprestij. Dapatan antarabangsa oleh Yeap et al. (2021) dan Aldossari (2020) turut menunjukkan stigma serupa, di mana TVET sering dikaitkan dengan golongan berpendapatan rendah atau pencapaian akademik lemah.

Selain itu, jurang kemahiran digital dalam kalangan pengajar dan pelajar TVET turut menjejaskan imej bidang ini sebagai saluran pendidikan moden. Mustaffa et al. (2024) dan Bisri et al. (2023) mendapati kekurangan infrastruktur digital serta kecekapan teknologi menyebabkan TVET dilihat ketinggalan berbanding universiti akademik. Zhang (2025) menambah bahawa isu ini turut mewujudkan persepsi global bahawa institusi TVET tidak seiring dengan arus transformasi digital.

Dari perspektif sejarah, Nurfaain dan Arbaiyah (2024) mendapati bahawa walaupun MARA berjaya memperluas akses pendidikan vokasional sejak 1960-an, jenama TVET masih gagal menembusi kesedaran awam disebabkan fragmentasi dasar dan kelemahan penjenamaan nasional. Kajian Adidinizar et al. (2022) dan Abdul Ghafur et al. (2022) pula menunjukkan bahawa graduan TVET sebenarnya memiliki keseimbangan kerjaya dan kepuasan hidup yang tinggi, namun naratif positif ini jarang diketengahkan. Oleh itu, bagi memahami fenomena ini secara menyeluruh, kajian ini menggunakan pendekatan *Nominal Group Technique (NGT)* untuk mengenal pasti faktor utama yang mempengaruhi stigma awam terhadap pendidikan TVET dalam era transformasi digital.

OBJEKTIF

Kajian ini dijalankan dengan objektif untuk:

1. Menenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi stigma awam terhadap pendidikan TVET di Malaysia.
2. Menentukan faktor keutamaan berdasarkan konsensus peserta menggunakan kaedah NGT.

TINJAUAN LITERATUR

Isu stigma terhadap pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) bukan fenomena baharu, malah telah lama menjadi perdebatan dalam bidang pembangunan sumber manusia. Secara global, persepsi negatif terhadap TVET berpunca daripada pandangan sosial yang menganggap laluan teknikal sebagai pilihan bagi pelajar yang kurang cemerlang akademik (Yeap et al., 2021; Aldossari, 2020; Rehman et al., 2024). Dalam konteks Malaysia, stigma ini turut dipengaruhi oleh budaya keluarga dan komuniti yang menilai kejayaan melalui pencapaian akademik semata-mata. Arenawati dan Zalina (2023) mendapati bahawa ibu bapa dan guru sering menggalakkan pelajar melanjutkan pelajaran ke universiti, manakala TVET dianggap sebagai laluan alternatif yang kurang berprestij. Dapatan ini sejajar dengan kajian Ayanwale et al. (2023) yang menunjukkan bahawa persepsi komuniti tentang status sosial pekerjaan memberi kesan langsung terhadap minat pelajar untuk memilih TVET sebagai laluan kerjaya.

Pandangan sosial ini turut disokong oleh faktor status pekerjaan yang dilihat kurang bernilai dari segi mobiliti sosial dan pengiktirafan ekonomi. Yusoff et al. (2020) menjelaskan bahawa pekerjaan teknikal sering dilabel sebagai kerja kasar atau dirty work, sedangkan sektor ini kini memainkan peranan penting dalam pembangunan teknologi dan ekonomi negara. Abdul Ghafur et al. (2022) menegaskan bahawa graduan TVET sebenarnya menunjukkan kadar kebolehpasaran yang tinggi, khususnya dalam sektor automasi, tenaga, dan teknologi digital, namun maklumat ini tidak tersebar luas kepada masyarakat. Keadaan ini mewujudkan jurang antara realiti pasaran kerja dengan persepsi awam yang masih melihat TVET sebagai laluan pendidikan kelas kedua.

Dari sudut institusi, kekangan sumber, kemudahan usang dan tenaga pengajar yang tidak mencukupi turut memperkukuh tanggapan bahawa TVET tidak setanding dengan pendidikan akademik (Shimu & Haolader, 2025; Zhang, 2025). Nurfaain dan Arbaiyah (2024) menelusuri sejarah pembangunan TVET di bawah MARA dan mendapati bahawa fragmentasi dasar dan pensijilan antara pelbagai kementerian menimbulkan kekeliruan terhadap nilai kelayakan TVET di mata masyarakat dan majikan. Situasi ini bukan sahaja melemahkan pengiktirafan sosial TVET tetapi juga menghalang pembentukan imej institusi yang konsisten di peringkat nasional.

Dalam era transformasi digital, cabaran baharu muncul apabila jurang kemahiran teknologi antara pelajar dan tenaga pengajar TVET semakin ketara. Mustaffa et al. (2024) dan Bisri et al. (2023) melaporkan bahawa banyak institusi TVET masih bergelut dengan kekurangan literasi digital, infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), dan budaya inovasi yang perlahan. Zhang (2025) pula menekankan bahawa kelewatan TVET dalam mengadaptasi teknologi baharu menyebabkan masyarakat menganggap sistem ini ketinggalan zaman dan tidak relevan dengan keperluan industri 4.0. Tambahan pula, kajian oleh Alhubaishy dan Aljuhani (2021) menunjukkan bahawa sikap penentangan terhadap perubahan dan kekurangan motivasi dalam kalangan tenaga pengajar turut menjejaskan usaha transformasi digital TVET, sekali gus menghalang pembinaan imej moden dan progresif institusi ini.

Secara keseluruhannya, literatur menunjukkan bahawa stigma terhadap TVET berpunca daripada interaksi kompleks antara faktor sosial, budaya, institusi dan digital. Persepsi masyarakat yang mengutamakan kejayaan akademik, kelemahan struktur dasar serta jurang teknologi telah membentuk kitaran stigma yang sukar diubah. Oleh itu, usaha mengubah naratif TVET memerlukan pendekatan menyeluruh yang melibatkan reformasi komunikasi awam, penjenamaan semula dasar pendidikan, dan pengukuhan integrasi digital. Kajian ini seterusnya menggunakan kaedah *Nominal Group Technique* (NGT) bagi mengenal pasti faktor dominan yang mempengaruhi stigma awam terhadap TVET secara empirikal dan berpaksikan konsensus pelbagai pihak berkepentingan.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif melalui kaedah *Nominal Group Technique* (NGT). NGT dipilih kerana sifatnya yang sistematik, demokratik dan berstruktur dalam menjana idea serta mencapai konsensus antara peserta pelbagai latar belakang (McMillan, King, & Tully, 2016;

FAKTOR UTAMA YANG MEMPENGARUHI STIGMA AWAM TERHADAP PENDIDIKAN TVET DALAM ERA TRANSFORMASI DIGITAL: KAEDAH NOMINAL GROUP TECHNIQUE (NGT)

Mullen, Kydd, Fleming, & McMillan, 2021). Kaedah ini amat sesuai bagi mengenal pasti keutamaan faktor-faktor yang mempengaruhi stigma awam terhadap pendidikan TVET kerana ia membolehkan penyelidik mendapatkan pandangan yang seimbang tanpa dipengaruhi oleh dominasi individu tertentu (Cetin-Sahin et al., 2024).

Secara asasnya, NGT merupakan satu teknik kumpulan bersemuka (*structured face-to-face group method*) yang bertujuan menghasilkan idea, menyelesaikan masalah dan mencapai keputusan konsensus (Manera, Hanson, Gutman, & Tong, 2019; Harvey & Holmes, 2012). Dalam konteks kajian ini, kaedah NGT digunakan untuk mendapatkan persetujuan bersama tentang faktor utama yang menyumbang kepada stigma awam terhadap TVET dalam era transformasi digital, dengan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan termasuk pendidik, pelajar, ibu bapa dan industri.

Rasional Penggunaan Kaedah NGT

Kaedah NGT dipilih berbanding teknik perbincangan kumpulan biasa (seperti *focus group discussion*) kerana ia mempunyai struktur yang ketat dan telus dalam setiap fasa, sekali gus mengurangkan bias dan dominasi pendapat oleh individu berpengaruh (Harvey & Holmes, 2012). Teknik ini juga memastikan setiap peserta diberikan peluang yang sama untuk menyuarakan pandangan, menjadikannya sesuai untuk kajian sosial yang melibatkan isu persepsi dan stigma (McMillan et al., 2016). Tambahan pula, kaedah ini mampu menghasilkan senarai keutamaan faktor yang disusun berdasarkan pemeringkatan kolektif, yang kemudiannya boleh dijadikan asas bagi pembangunan dasar dan strategi komunikasi TVET (Mullen et al., 2021).

Peserta Kajian dan Pemilihan Sampel

Seramai 12 orang peserta telah dipilih secara *purposive sampling* bagi mewakili empat kategori utama dalam ekosistem TVET sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 1. Peserta kajian terdiri dari 4 kategori iaitu Pengajar TVET, Pelajar TVET, Wakil Ibu Bapa atau Penjaga dan Wakil Industri.

Jadual 1: Profil Peserta Kajian (NGT)

Kod	Kategori	Institusi	Pengalaman/ tempoh	Peranan dalam TVET
P01	Pengajar TVET	Politeknik	8 tahun	Pensyarah & penyelia latihan industri
P02	Pengajar TVET	Kolej Vokasional	15 tahun	Ketua Jabatan & Jurulatih Utama
P03	Pengajar TVET	Institut Latihan Perindustrian	13 tahun	Pensyarah & Ketua Program
P04	Pelajar TVET	Kolej Vokasional	Semester 4	Pelajar Diploma Vokasional
P05	Pelajar TVET	Institut Latihan Perindustrian	Semester 2	Pelajar Sijil Kemahiran
P06	Pelajar TVET	Politeknik	Semester 5	Pelajar Diploma Politeknik
P07	Ibu Bapa	Komuniti (Persatuan Ibu Bapa & Komuniti)	—	Penjaga pelajar TVET
P08	Ibu Bapa	Komuniti (NGO Pendidikan)	—	Penjaga pelajar TVET
P09	Ibu Bapa	Komuniti (NGO Pendidikan)	—	Penjaga pelajar TVET
P10	Wakil Industri	Syarikat Automasi Industri	7 tahun	Pengurus

P11	Wakil Industri	Syarikat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)	10 tahun	Bahagian Sumber Manusia
P12	Wakil Industri	Syarikat Penyelenggaraan	14 tahun	Penyelia Operasi & Mentor perantis

Pemilihan ini bertujuan memastikan pandangan diperoleh daripada pihak yang terlibat secara langsung dalam proses pendidikan, latihan, serta pasaran kerja TVET. Menurut McMillan et al. (2014), saiz kumpulan antara 8 hingga 15 orang adalah ideal bagi memastikan dinamika kumpulan terkawal dan setiap peserta dapat menyumbang secara aktif.

Prosedur Pelaksanaan NGT

Proses NGT dalam kajian ini dilaksanakan mengikut garis panduan yang disyorkan oleh McMillan et al. (2016), Mullen et al. (2021) dan Cetin-Sahin et al. (2024). Pelaksanaan dijalankan secara bersemuka selama tiga jam di sebuah institusi TVET di Malaysia. Proses NGT terdiri daripada enam fasa utama seperti yang diuraikan di bawah:

Fasa 1: Pengenalan dan Penjelasan Tujuan

Fasilitator memperkenalkan objektif kajian dan menjelaskan proses pelaksanaan NGT termasuk peraturan kumpulan dan jangka masa setiap aktiviti. Fasa ini penting bagi memastikan peserta memahami konteks kajian dan peranan mereka dalam menyumbang idea (Cetin-Sahin et al., 2024; Riley-Bennett et al., 2024).

Fasa 2: Penjanaan Idea Secara Senyap (Silent Generation)

Peserta diminta menulis secara individu semua faktor yang mereka anggap menyumbang kepada stigma awam terhadap TVET. Langkah ini menggalakkan pemikiran bebas tanpa pengaruh peserta lain serta memastikan semua suara diwakili (McMillan et al., 2016; Mullen et al., 2021).

Fasa 3: Perkongsian Secara Pusingan (Round Robin Sharing)

Setiap peserta secara bergilir-gilir berkongsi satu idea pada satu masa. Semua idea dicatat oleh fasilitator di papan putih tanpa sebarang perbincangan atau kritikan. Proses ini berterusan sehingga semua idea dikongsi sepenuhnya (Mullen et al., 2021; Harvey & Holmes, 2012).

Fasa 4: Klarifikasi dan Perbincangan

Setelah semua idea dikumpul, peserta dibenarkan untuk meminta penjelasan atau menggabungkan idea yang serupa. Walau bagaimanapun, fasa ini bukan untuk berdebat, sebaliknya untuk memastikan setiap peserta memahami makna sebenar setiap faktor (McMillan et al., 2016; Riley-Bennett et al., 2024).

Fasa 5: Pengundian dan Pemeringkatan (Voting and Ranking)

Peserta menilai kepentingan setiap faktor menggunakan skala 1 hingga 5 (1 = kurang penting, 5 = sangat penting). Setiap individu mengundi secara rahsia dan fasilitator mengumpulkan semua undian untuk mendapatkan jumlah skor keseluruhan. Skor tertinggi menunjukkan faktor paling berpengaruh terhadap stigma TVET (Manera et al., 2019; Harvey & Holmes, 2012).

Fasa 6: Maklum Balas dan Refleksi (Feedback Session)

Fasilitator berkongsi hasil pengundian dengan kumpulan dan membuka ruang untuk refleksi akhir mengenai keputusan konsensus. Fasa ini membantu menilai semula kesepakatan dan memberi peluang peserta membincangkan tindakan susulan atau penambahbaikan (Cetin-Sahin et al., 2024; Riley-Bennett et al., 2024).

Analisis Data

Data yang diperoleh daripada sesi NGT dianalisis menggunakan analisis deskriptif dengan menumpukan kepada jumlah skor terkumpul dan ranking faktor. Setiap faktor yang dikemukakan oleh peserta dikodkan, ditambah markah individu, dan disusun mengikut jumlah skor tertinggi. Berdasarkan garis panduan oleh McMillan et al. (2016) dan Harvey & Holmes (2012), tahap konsensus peserta ditentukan menggunakan ambang minimum 75% daripada jumlah skor maksimum. Dalam kajian ini, faktor yang memperoleh skor $\geq 75\%$ dianggap mempunyai tahap kesepakatan tinggi, manakala faktor di bawah ambang tersebut dikategorikan sebagai kesepakatan sederhana atau rendah. Selain itu, perbincangan kualitatif daripada fasa klarifikasi turut dianalisis bagi memahami rasional di sebalik pemeringkatan peserta.

Pertimbangan Etika Kajian

Kajian ini dilaksanakan mengikut garis panduan etika penyelidikan sosial. Semua peserta diberikan lembaran maklumat kajian dan menandatangani borang persetujuan termaklum (*informed consent*) sebelum sesi dijalankan. Identiti peserta dirahsiakan dan data dikendalikan secara telus bagi melindungi privasi mereka.

Secara keseluruhannya, penggunaan kaedah NGT dalam kajian ini membolehkan pengumpulan maklumat secara menyeluruh, berstruktur dan inklusif. Kaedah ini bukan sahaja mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada stigma awam terhadap TVET, tetapi juga menghasilkan susunan keutamaan berdasarkan persetujuan kolektif daripada pelbagai pihak berkepentingan. Keputusan yang diperoleh daripada proses ini kemudiannya digunakan sebagai asas bagi perbincangan dapatan dan cadangan strategi komunikasi dalam bahagian seterusnya.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini menghuraikan hasil daripada pelaksanaan kaedah (NGT) yang digunakan untuk mengenal pasti faktor-faktor utama yang mempengaruhi stigma awam terhadap pendidikan TVET dalam era transformasi digital. Berdasarkan sesi NGT yang dijalankan bersama 12 peserta daripada pelbagai latar belakang termasuk pengajar, pelajar, ibu bapa dan wakil industri. Sebanyak 11 faktor utama telah dikenal pasti pada peringkat awal penjanaan idea. Faktor-faktor ini kemudiannya dibincangkan, dijelaskan maknanya dan disatukan sebelum proses pengundian dan pemeringkatan dilaksanakan.

Proses Penjanaan dan Pemeringkatan Idea

Fasa penjanaan idea dalam sesi NGT menghasilkan 37 idea awal yang kemudiannya dikelompokkan kepada 11 tema utama berdasarkan kesamaan makna. Proses penggabungan ini dijalankan semasa fasa klarifikasi bagi memastikan kefahaman peserta terhadap setiap faktor adalah seragam. Seterusnya, dalam fasa pemeringkatan, setiap peserta menilai tahap kepentingan setiap faktor terhadap stigma awam terhadap TVET dengan skala 1 hingga 5 (1 = sangat tidak penting, 5 = sangat penting). Markah yang diberikan dikumpulkan dan dijumlahkan bagi setiap faktor.

Mengikut garis panduan analisis NGT, faktor yang mencapai lebih daripada 75% daripada skor maksimum dikategorikan sebagai faktor utama yang mempunyai kesepakatan tinggi antara peserta. Hasil analisis menunjukkan bahawa daripada 11 faktor yang dinilai, lima faktor memenuhi kriteria tersebut dan dianggap sebagai faktor paling dominan yang membentuk stigma awam terhadap TVET di Malaysia.

Senarai Faktor dan Skor NGT

Jadual 2: Skor NGT bagi Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Stigma Awam terhadap Pendidikan TVET

No.	Faktor	Skor (/60)	Peratus (%)	Kedudukan
1	Kurang kesedaran awam terhadap peranan dan potensi TVET	54	90.0	1
2	Persepsi bahawa laluan akademik lebih berprestij berbanding TVET	53	88.3	2
3	Kekurangan pendedahan media positif dan kempen komunikasi TVET	50	83.3	3
4	Persepsi rendah terhadap peluang kerjaya dan gaji dalam bidang TVET	49	81.7	4
5	Pengaruh budaya sosial dan status pekerjaan terhadap pilihan pendidikan	47	78.3	5
6	Kekangan kemahiran digital dalam kalangan pelajar dan tenaga pengajar TVET	44	73.3	6
7	Kurang kerjasama bersepadu antara institusi TVET dan industri teknologi	44	73.3	6
8	Persepsi bahawa TVET hanya untuk pelajar berprestasi rendah	43	71.7	8
9	Kekurangan infrastruktur dan fasiliti moden dalam institusi TVET	43	71.7	8
10	Ketidakselarasan kurikulum dengan keperluan industri digital	43	71.7	8
11	Maklumat terhad tentang prospek TVET dan laluan kerjaya masa depan	42	70.0	11

Tafsiran Hasil NGT

Dapatan daripada Jadual 2 menunjukkan bahawa semua faktor yang dikenal pasti memperoleh skor melebihi 70%, menandakan tahap kesepakatan (consensus) yang tinggi dalam kalangan peserta terhadap pelbagai isu yang mempengaruhi stigma awam terhadap pendidikan TVET. Berdasarkan ambang konsensus $\geq 75\%$ seperti disarankan oleh McMillan et al. (2016) dan Harvey & Holmes (2012), lima faktor teratas dikenal pasti sebagai faktor utama (*high consensus*) yang mempunyai pengaruh paling besar terhadap persepsi masyarakat terhadap TVET.

Faktor utama yang mencapai tahap kesepakatan tertinggi ialah kurang kesedaran awam terhadap peranan dan potensi TVET (90%), diikuti persepsi bahawa laluan akademik lebih berprestij berbanding TVET (88.3%), kekurangan pendedahan media positif (83.3%), persepsi rendah terhadap peluang kerjaya dan gaji (81.7%), serta pengaruh budaya sosial dan status pekerjaan (78.3%). Semua faktor ini melepasi ambang konsensus tinggi ($\geq 75\%$), menggambarkan pandangan sepunya bahawa stigma awam terhadap TVET berpunca daripada gabungan faktor maklumat, sosial dan budaya.

Enam faktor lain mencatat skor antara 70% hingga 73.3%, menunjukkan kesepakatan sederhana (moderate consensus) tetapi tetap signifikan. Faktor seperti kekangan kemahiran digital dan kekurangan kerjasama industri (73.3%) dianggap sebagai isu institusi yang memberi kesan tidak langsung terhadap persepsi masyarakat. Walaupun faktor seperti infrastruktur, kurikulum dan maklumat prospek kerjaya mencatat skor lebih rendah (70–71.7%), peserta menegaskan bahawa kelemahan dalaman ini menyumbang secara tidak langsung kepada imej negatif TVET dalam jangka panjang.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa stigma awam terhadap TVET adalah hasil interaksi kompleks antara faktor sosial, komunikasi, dan sistem institusi, bukan berpunca daripada

FAKTOR UTAMA YANG MEMPENGARUHI STIGMA AWAM TERHADAP PENDIDIKAN TVET DALAM ERA TRANSFORMASI DIGITAL: KAEDAH NOMINAL GROUP TECHNIQUE (NGT)

satu faktor tunggal. Perbezaan kecil antara skor faktor utama dan sekunder menandakan bahawa peserta melihat semua isu ini saling berkait dan perlu ditangani secara holistik bagi membina semula imej TVET di Malaysia.

Huraian Lima Faktor Utama

(1) Kurang Kesedaran Awam terhadap Peranan dan Potensi TVET (90%)

Faktor ini dikenal pasti sebagai penyebab paling dominan. Peserta bersetuju bahawa masyarakat, termasuk ibu bapa dan pelajar, kurang memahami sumbangan TVET kepada ekonomi negara dan pembangunan tenaga kerja digital. Kekurangan maklumat awam serta kempen promosi yang lemah menyebabkan TVET gagal menonjol sebagai pilihan pendidikan utama (Hashim, 2025; Yusoff et al., 2020).

(2) Persepsi bahawa Laluan Akademik Lebih Berprestij (88.3%)

Peserta menegaskan bahawa budaya masyarakat masih mengutamakan pendidikan akademik sebagai simbol kejayaan sosial. TVET pula dianggap sebagai laluan untuk pelajar kurang cemerlang. Dapatan ini sejajar dengan kajian Arenawati dan Zalina (2023) yang menunjukkan norma sosial mempengaruhi pilihan pendidikan dan aspirasi pelajar sejak peringkat sekolah menengah.

(3) Kekurangan Pendedahan Media Positif dan Komunikasi TVET (83.3%)

Peranan media dalam membentuk persepsi masyarakat turut dikenalpasti sebagai faktor utama. Peserta menyatakan bahawa kisah kejayaan graduan TVET jarang dipaparkan dalam media arus perdana. Kajian Mohd Hatta et al. (2024) juga menegaskan keperluan untuk memperkukuh strategi komunikasi TVET melalui kempen berasaskan bukti yang menonjolkan inovasi, kemahiran digital dan kejayaan pelajar.

(4) Persepsi Rendah terhadap Peluang Kerjaya dan Gaji (81.7%)

Sebahagian peserta, khususnya daripada kalangan ibu bapa, masih beranggapan bahawa graduan TVET menghadapi kesukaran mendapat pekerjaan bergaji tinggi. Namun, wakil industri menjelaskan bahawa permintaan terhadap tenaga kerja teknikal semakin meningkat dalam sektor automasi dan tenaga hijau. Ini menunjukkan wujud jurang maklumat antara realiti industri dan persepsi awam (Abdul Ghafur et al., 2022).

(5) Pengaruh Budaya Sosial dan Status Pekerjaan (78.3%)

Faktor budaya dan nilai sosial terus memainkan peranan penting dalam membentuk imej TVET. Masyarakat masih menilai pekerjaan profesional seperti doktor atau jurutera sebagai lambang status sosial berbanding kerjaya teknikal. Nurfaain dan Arbaiyah (2024) menjelaskan bahawa stigma ini berakar daripada sistem sosial pascakolonial yang menilai kejayaan berdasarkan pencapaian akademik. Oleh itu, perubahan persepsi memerlukan reformasi budaya yang menyeluruh, bukan hanya pembaharuan institusi.

Faktor Sekunder dan Rasional Penolakan

Enam faktor yang lain memperoleh skor antara 70% hingga 73.3%, menunjukkan kesepakatan sederhana. Antaranya, kekangan kemahiran digital dalam kalangan pelajar dan tenaga pengajar TVET (73.3%) serta kurang kerjasama industri (73.3%) dianggap penting tetapi tidak sepenting faktor utama kerana kesannya lebih bersifat dalaman. Faktor seperti kekurangan infrastruktur, ketidakselarasan kurikulum industri, dan maklumat prospek kerjaya (70–71.7%) turut dikaitkan sebagai punca tidak langsung yang boleh memperkuat persepsi negatif jika tidak ditambah baik.

Peserta menegaskan bahawa peningkatan kemudahan pembelajaran, pengintegrasian kurikulum industri, serta penguasaan kemahiran digital akan membantu memperkukuh imej profesionalisme TVET dalam jangka panjang. Secara keseluruhan, faktor-faktor ini walaupun tidak dikategorikan sebagai utama, tetap signifikan dalam memastikan daya tarikan dan kredibiliti TVET dalam era transformasi digital.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menegaskan bahawa stigma awam terhadap pendidikan TVET berpunca daripada gabungan faktor sosial, budaya, komunikasi, dan teknologi yang tidak seimbang dengan realiti pasaran kerja semasa. Faktor utama iaitu kurang kesedaran awam menunjukkan bahawa isu utama bukanlah pada dasar atau peluang, tetapi pada tahap kefahaman masyarakat terhadap peranan strategik TVET dalam ekonomi digital (Hashim, 2025; UNESCO-UNEVOC, 2022). Kurangnya promosi berasaskan bukti dan komunikasi strategik menyebabkan masyarakat gagal melihat potensi sebenar TVET sebagai laluan pendidikan berprestij, sebagaimana ditekankan oleh Mohd Hatta et al. (2024) dan Yusoff et al. (2020). Persepsi bahawa laluan akademik lebih tinggi status turut memperkukuh hierarki sosial yang menilai kejayaan berdasarkan universiti, bukan kemahiran teknikal (Arenawati & Zalina, 2023; Rehman et al., 2024). Faktor budaya ini berakar sejak sistem pendidikan pascakolonial yang mengutamakan orientasi akademik (Nurfiaain & Arbaiyah, 2024).

Selain itu, kekurangan pendedahan media positif dan naratif sosial yang menyokong TVET telah mengekalkan stereotaip bahawa bidang ini bersifat “kelas kedua” (Hashim, 2025; OECD, 2023). Media di Malaysia masih banyak memberi tumpuan kepada isu dasar dan infrastruktur, bukan kisah kejayaan atau inovasi pelajar TVET. Persepsi negatif terhadap peluang kerjaya dan gaji turut berpunca daripada jurang maklumat antara realiti industri dan pandangan masyarakat. Walhal, bukti menunjukkan bahawa graduan TVET dalam bidang automasi, tenaga dan ICT dan memiliki kadar kebolehpasaran tinggi (Abdul Ghafur et al., 2022; Adidinizar et al., 2022). Hal ini menunjukkan perlunya hubungan lebih erat antara institusi latihan dan industri melalui perkongsian maklumat serta inisiatif berasaskan data seperti portal kerjaya TVET.

Dalam konteks global transformasi digital, jurang kemahiran teknologi dalam kalangan pelajar dan tenaga pengajar masih menjadi cabaran besar. Kajian Mustaffa et al. (2024) dan Bisri et al. (2023) menunjukkan bahawa tahap literasi digital yang rendah menjejaskan imej TVET sebagai institusi moden dan berdaya saing. Fenomena ini bukan unik kepada Malaysia, malah turut dilaporkan di peringkat antarabangsa (Smith et al., 2023; Shimu & Haolader, 2025). Oleh itu, pengukuhan kemahiran digital dan integrasi teknologi dalam kurikulum TVET menjadi keperluan penting dalam memperkukuh reputasi global bidang ini.

Secara keseluruhannya, stigma terhadap TVET merupakan hasil interaksi kompleks antara kekurangan kesedaran, dominasi budaya akademik, jurang institusi dan cabaran digital. Dapatan ini menyokong konsensus global bahawa perubahan persepsi mesti digerakkan melalui pendekatan sistemik yang merangkumi komunikasi awam, reformasi dasar dan transformasi budaya (Yeap et al., 2021; Aldossari, 2020; Ayanwale et al., 2023). Oleh itu, penghapusan stigma TVET memerlukan sinergi antara kerajaan, institusi pendidikan, media dan masyarakat dalam membina naratif baharu — menjadikan TVET bukan sekadar laluan alternatif, tetapi simbol kemajuan, inovasi dan kebijaksanaan praktikal negara.

KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa stigma awam terhadap pendidikan TVET di Malaysia berpunca daripada jurang antara realiti kemahiran abad ke-21 dan persepsi masyarakat yang masih berpaksikan nilai akademik tradisional. Melalui pendekatan *Nominal Group Technique* (NGT), lima faktor dominan dikenal pasti: kurang kesedaran awam, persepsi hierarki akademik, kekurangan pendedahan media positif, persepsi lemah terhadap prospek kerjaya, dan pengaruh budaya sosial terhadap status pekerjaan. Faktor-faktor ini saling berkait dalam kitaran yang mengekalkan imej TVET sebagai laluan pendidikan kelas kedua.

Secara konseptual, kajian ini menyumbang kepada pemahaman baharu bahawa stigma TVET bukan hanya masalah komunikasi, tetapi isu struktur sosial dan dasar pendidikan yang memerlukan pembaharuan menyeluruh. Dari segi metodologi, penggunaan NGT membuktikan keberkesanan pendekatan berasaskan konsensus dalam mengenal pasti keutamaan isu sosial yang kompleks, sekali gus menawarkan model kajian yang boleh diguna pakai dalam bidang TVET dan dasar awam lain.

Implikasinya, usaha memperkuat imej TVET perlu menumpukan kepada komunikasi berasaskan bukti, penjenamaan nasional, dan integrasi digital yang selaras dengan keperluan ekonomi hijau dan revolusi teknologi. Penglibatan aktif media, industri, dan institusi pendidikan adalah kunci dalam membina naratif baharu TVET sebagai pemacu kemajuan negara.

Kajian lanjutan disaran menilai keberkesanan strategi komunikasi TVET melalui pendekatan kuantitatif atau campuran (mixed-method), serta mengukur perubahan persepsi masyarakat selepas pelaksanaan dasar penjenamaan semula. Dengan langkah bersepadu antara dasar, komunikasi, dan budaya, TVET berpotensi muncul sebagai lambang kemajuan praktikal dan inovasi teknologi Malaysia dalam era digital global.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para peserta yang telah memberikan pandangan serta sumbangan berharga sepanjang proses penyelidikan dijalankan. Pengkaji juga mengucapkan penghargaan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Fakulti Teknikal dan Vokasional kerana memberi sokongan dalam menjayakan kajian ini.

RUJUKAN

- Aldossari, A. (2020). *Vision 2030 and reducing the stigma of vocational and technical training among Saudi Arabian students. Empirical Research in Vocational Education and Training*, 12, 1–24. <https://doi.org/10.1186/s40461-020-00089-6>
- Alhubaishy, A., & Aljuhani, A. (2021). *The challenges of instructors' and students' attitudes in digital transformation: A case study of Saudi Universities. Education and Information Technologies*, 26, 4647–4662. <https://doi.org/10.1007/s10639-021-10491-6>
- Arenawati S. O., and Zalina M. D. "Factors influencing TVET choices among secondary school students in Kuching." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 8.7 (2023): e002380-e002380. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i7.2380>
- Ayanwale, M., Molefi, R., & Matsie, N. (2023). *Modelling secondary school students' attitudes toward TVET subjects using social cognitive and planned behavior theories. Social Sciences & Humanities Open*, 8(1), 100478. <https://doi.org/10.1016/j.ssaho.2023.100478>
- Bisri, A., Putri, A., & Rosmansyah, Y. (2023). *A systematic literature review on digital transformation in higher education: Revealing key success factors. International Journal of Emerging Technologies in Learning*, 18(14), 164–187. <https://doi.org/10.3991/ijet.v18i14.40201>
- Cetin-Sahin, D., Arsenault-Lapierre, G., Bolster-Foucault, C., Champoux-Pellegrin, J., Rojas-Rozo, L., Quesnel-Vallée, A., & Vedel, I. (2024). *Building timely consensus among diverse stakeholders: An adapted Nominal Group Technique. Annals of Family Medicine*, 22(6), 525–532. <https://doi.org/10.1370/afm.3166>
- Harvey, N., & Holmes, C. A. (2012). *Nominal group technique: An effective method for obtaining group consensus. International Journal of Nursing Practice*, 18(2), 188–194. <https://doi.org/10.1111/j.1440-172X.2012.02017.x>
- Hashim, N. N. I. (2025). Examining public perceptions on Technical and Vocational Education and Training (TVET) graduates amid digital transformation in Malaysia: a narrative literature review. In *Forum Komunikasi (FK)* (Vol. 20, No. 1, pp. 81-101). Faculty of Communication and Media Studies, Universiti Teknologi MARA. https://doi.org/10.24191/FK.V20i1.2025_05
- Manera, K., Hanson, C., Gutman, T., & Tong, A. (2019). *Consensus methods: Nominal Group Technique. In Handbook of Research Methods in Health Social Sciences* (pp. 655–662). Springer. https://doi.org/10.1007/978-981-10-5251-4_100
- McMillan, S. S., Kelly, F., Sav, A., Kendall, E., King, M., Whitty, J., & Wheeler, A. (2014). *Using the Nominal Group Technique: How to analyse across multiple groups. Health Services and Outcomes Research Methodology*, 14(3), 92–108. <https://doi.org/10.1007/s10742-014-0121-1>

- McMillan, S. S., King, M., & Tully, M. (2016). *How to use the Nominal Group and Delphi techniques. International Journal of Clinical Pharmacy*, 38(3), 655–662. <https://doi.org/10.1007/s11096-016-0257-x>
- Mohd Hatta M. A., Affero I., Syarizul Amri M. D., Noorazman M., Zawawi M., Mohd Hilmi M. T., and Anwar H., "Menerajui Masa Depan TVET: Mengupas Transformasi Digital." *Multidisciplinary Applied Research and Innovation* 5, no. 3 (2024): 94-103. <https://doi.org/10.30880/mari.2024.05.03.013>
- Mullen, R., Kydd, A., Fleming, A., & McMillan, L. (2021). *A practical guide to the systematic application of Nominal Group Technique. Nurse Researcher*, 29(1), 14–20. <https://doi.org/10.7748/nr.2021.e1777>
- Mustaffa, M., Tawil, N., Selvaratnam, D., Techanamurthy, U., & Affandi, H. (2024). *Empowering digital entrepreneurship in Technical and Vocational Education and Training (TVET) education. Jurnal Kejuruteraan*, 36(4), Article 11. [https://doi.org/10.17576/jkukm-2024-36\(4\)-11](https://doi.org/10.17576/jkukm-2024-36(4)-11)
- Nurfaain A., and Arbaiyah M. N., "Perkembangan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET), Majlis Amanah Rakyat (MARA), 1968-2020." *e-BANGI Journal* 21.1 10.17576/ebangi.2024.2101.30
- OECD, (2023) Building Future-Ready Vocational Education and Training Systems. OECD Reviews of Vocational Education and Training
- Rehman, N., Huang, X., Sarwar, U., Fatima, H., & Maqbool, S. (2024). *Exploring the impact of family, school and society on the perception and reputation of vocational training in Pakistan: A statistical analysis. Education + Training*. <https://doi.org/10.1108/ET-09-2023-0375>
- Riley-Bennett, F., Russell, L., & Fisher, R. (2024). *An example of the adaptation of the Nominal Group Technique (NGT) to a virtual format (vNGT) within healthcare research. BMC Medical Research Methodology*, 24(1), 89. <https://doi.org/10.1186/s12874-024-02362-8>
- Shimu, S., & Haolader, F. (2025). *TVET is under-resourced and held in low regard? Teachers' perceptions of TVET in Bangladesh. Education + Training*. <https://doi.org/10.1108/ET-12-2023-0551>
- Smith, D., Cartwright, M., Dyson, J., & Aitken, L. (2023). *Use of Nominal Group Technique methods in the virtual setting: A reflective account and recommendations for practice. Australian Critical Care*, 36(6), 701–706. <https://doi.org/10.1016/j.aucc.2023.09.004>
- UNESCO-UNEVOC. (2022). *TVET in the Post-Pandemic World: Rebranding Skills for Future Economies*.
- Yeap, C. F., Suhaimi, N., & Nasir, M. K. M. (2021). *Issues, challenges, and suggestions for empowering Technical Vocational Education and Training (TVET) during the COVID-19 pandemic in Malaysia. Creative Education*, 12(8), 1818–1839. <https://doi.org/10.4236/ce.2021.128138>
- Yusoff, R. M., Harun, A., & Zakaria, A. M. (2020). *Tvet in Malaysia: Capabilities and challenges as viable pathway and educational attainment. Journal on Technical and Vocational Education*, 5(1), 52-58.
- Zhang, H. (2025). *The development status, challenges and future trends of China's vocational education in the digital transformation. Lecture Notes in Education Psychology and Public Media*, 2(3), 155–166. <https://doi.org/10.54254/2753-7048/2025.cb22928>